

SULIT

SKEMA

1103/2

MDG 19/8/14

PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL ITEM BERFOKUS SPM 2014 (SET 2)
BAHASA MELAYU

KERTAS 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Markah penuh Kertas Dua ialah 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- | | | |
|-------------------|---|-----------|
| (a) <i>Isi</i> | - | 20 markah |
| (b) <i>Bahasa</i> | - | 10 markah |

(a)

Nota :

- i. **Panduan mengira perkataan**
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.
 - nama khas
 - perkataan berganda
 - kata depan di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- ii. Kira dan **tanda** jawapan calon setakat **120** patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- iv. Serikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Bahasa [10 Markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti jadual berikut.

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 8	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik. - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas. - Tanda baca / ejaan betul.
Sederhana	2 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 5	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi masih baik. - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan. - Kosa kata masih memuaskan. - Tanda baca / ejaan juga memuaskan.
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan.

Nota :

- (i) Jika bahasanya baik, tambah **1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak **1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataannya kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum:10 markah]

Soalan 1: Rumusan
[30 markah]

Pendahuluan

Petikan membincangkan **sebab-sebab/punca-punca** penggunaan plastik membahayakan manusia di seluruh dunia.

$$\text{Tema} = \text{kesan}^2$$

Isi tersurat

1. Plastik yang dibuang itu mengambil masa puluhan tahun untuk lupsus - 2m
2. Plastik menyebabkan masalah pencemaran alam -2m
3. Plastik menyebabkan kesan toksik kepada manusia melalui bahan kimia yang dibebaskannya -2m
4. Kita terdedah pada BPA dalam tempoh yang lama akibat penggunaan perkakas plastik - 2m
5. BPA masuk ke dalam badan tanpa kita sedari -2m
6. Kita akan terdedah pada pencemaran toksik yang berpunca daripada BPA -2m
7. BPA mengganggu fungsi dan perkembangan otak serta beberapa sistem lain -2m
~~Kesan terhadap perkembangan dan mesej di persifai haiwan~~
8. BPA mempunyai kesan sampingan daripada tahap minimum hingga tahap serius terhadap manusia -2m
9. Bahan plastik itu dapat mendatangkan kesan terhadap perkembangan otak bayi dan kanak-kanak -2m
10. Sebahagian besar daripada mainan kanak-kanak dibuat daripada plastik menyebabkan kita sukar menjauhkan kanak daripada BPA -2m

Isi tersirat

1. Kita menggantikan semua bahan yang dibuat daripada plastik dengan bahan lain yang lebih selamat -2m
2. Pengeluaran plastik dipiawai oleh pihak berkuasa selain memenuhi syarat pengeluaran yang ketat -2m ~~mengehadkan pengeluaran produk plastik~~
3. Pihak media menyiaran amaran tentang bahaya penggunaan plastik dalam kehidupan - 2m
4. Badan bukan kerajaan (NGO) melancarkan kempen kesedaran yang berkaitan dengan bahaya penggunaan plastik dari semasa ke semasa -2m
5. Produk daripada plastik dibenarkan hanya untuk pasaran luar negara sahaja -2m

6. Kerajaan tidak membenarkan mana-mana pihak mengimport barang dari plastik ke negara kita -2m
7. Kita perlu mengurangkan penggunaan plastik dalam kehidupan seharian -2m

Kesimpulan

Kesimpulannya, kita harus menghindari penggunaan bahan yang diperbuat daripada plastik agar tidak berhadapan dengan masalah kesihatan. -2m

**Soalan 2: Pemahaman
Soalan 2**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a): 9 markah
 Soalan 2(b): 9 markah
 Soalan 2(c): 8 markah
 Soalan 2(d): 9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup + ayat gramatis	2
-Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
-Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis (ICAG)	3
-Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
-Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas dan ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
-Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
-Isi tidak cukup /kurang relevan tetapi ayat masih gramatis	2
-Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Jawapan 2a: Petikan Umum

i) Bermaksud menolak hakikat / tidak menerima kenyataan [2 markah]

ii) Melalui mulut

Melalui pernafasan

Penyerapan melalui kulit [2 isi=3 markah]

iii) Plastik digunakan oleh pelbagai pihak kerana harganya murah dan mudah diperoleh

[1+1]

Orang ramai tidak mempersoalkan kesan negatif penggunaan plastik kerana kurang kesedaran akan risiko penggunaannya. [1+1]

Penggunaan sumber lain seperti kayu dan besi lebih mahal harganya akan membebankan pengeluar dan pengguna

Beg/bekas plastik lebih tahan lasak berbanding bekas yang diperbuat dari kertas atau kain

- Relyz x dibentuk kecan bantik plaste

- Tidak bisa dengan beg kitar semula / kerpen x berkesan -

Jawapan 2 b : Cerpen Tanggar Amanat

i) Yellowstone akan runtuh dan hancur
Jasad mereka belum tentu bersemadi di Yellowstone [2 isi = 2 markah]

ii) -Membuka perniagaan baharu di tempat baru bersama-sama Adam
-Membuka perniagaan baru secara talian terus dalam internet

-membuka/meneroka peluang dalam bidang perniagaan yang berlainan

-mencari lokasi/tapak perniagaan di kawasan baharu yang lebih strategik dan selamat [2 isi = 3 markah]

iii) Perwatakan Hawa dalam petikan :
seorang yang degil/keras hati
Contohnya Hawa berkeras untuk terus menetap di Yellowstone walaupun dipujuk berulang kali oleh suaminya, Adam. [1+1]

Berpendirian tegas

Contohnya Hawa tegas untuk mempertahankan warisan perniagaan Ahmad Abdullah.

Perwatakan Hawa berdasarkan keseluruhan cerpen ;
seorang isteri yang taat kepada suami.

Contohnya Hawa akhirnya setuju mengikut nasihat Adam meninggalkan Yellowstone dan berpindah ke Malaysia, tempat lahir suaminya.

[1+1]

Seorang ibu yang penyayang

Hawa mengikut kata-kata bayi dalam kandungannya agar menghargai nyawa anaknya yang bakal lahir berbanding warisan perniagaan keluarganya

Jawapan 2c: Pelayaran Yang Penuh Peristiwa

- i) Maksudnya menurut kata-kata tuan puteri / terikut kata anaknya [2 markah]
- ii) Orang besar-besar menjemputnya ke istana
Awang Sulung diiringi oleh jurubatu dan Bujang Selamat
Segala alat kebesaran berbunyi sendiri apabila Awang Sulung dating
Seluruh isi alam menyambut sama kedatangan Awang Sulung
[2 isi=3markah]
- iii) Tindakan itu dapat menjaga imej negeri dan pemerintah
Meningkatkan rasa hormat tetamu kepada ketua negeri
Menunjukkan adat istiadat negeri dalam menyambut tetamu kehormat
Sebagai layanan untuk menyambut tetamu agar tetamu tidak rasa tersinggung
[2 isi=3markah]

Jawapan 2d : Gurindam Tonggak Dua Belas

- i) Pemikiran yang kreatif dapat menghasilkan idea yang bersifat inovatif dan perlu dikembangkan. [2markah]
- ii) Bersikap jujur, amanah,adil dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas
Dapat menangani masalah dengan sabar dan tenang
Bijak dalam membuat keputusan atau mengambil tindakan
Sedia membantu orang lain /rakyat setiap masa
[2isi = 3 markah]
- iii) Kita hendaklah menghargai masa dan jangan suka menangguhkan sesuatu kerja yang diarahkan [1+1]

Kita hendaklah berbelanja dengan berhemah untuk mengelakkan berlakunya pembaziran [1+1]

Soalan 3 :Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

- (a) i. – Masalah sosial perlu ditangani dengan sebaik-baik mungkin untuk menjamin kehidupan yang harmoni.
- ii. – Pembangunan negara harus dirancang dengan rapi untuk mengelakkan bencana alam seperti banjir kilat dan tanah runtuh.
- iii. – Pembinaan kawasan industri di kampung itu telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.
- iv. – Kerajaan telah melancarkan kempen kebersihan bagi membendung wabak demam denggi yang melanda negara kita.
- v. – Aktiviti pemerdagangan orang merupakan perbuatan yang melanggar hak asasi manusia dan tidak harus dipandang ringan.
- vi. – Pembentukan kebudayaan nasional adalah penting bagi mengeratkan perpaduan antara kaum di negara kita.

(6 markah)

- (b) (i) Ayat permintaan
 (ii) Ayat silaan
 (iii) Ayat suruhan
 (iv) Ayat permintaan
 (v) Ayat larangan
 (vi) Ayat suruhan

(6 markah)

(c) Kesalahan ejaan

- (i) antara bangsa----antarabangsa
 (ii) perihatin -----prihatin
 (iii) dibenteras-----dibanteras

Kesalahan imbuhan

pembentukkan-----pembentukan
 menghadap -----terhadap
 menambah-----bertambah

(6 markah)

(d) Kesalahan penggunaan kata

- (i) berhemat-----berhemah
- (ii) membelanjakan---menyara
- (iii) menyambut----menerima

Kesalahan tatabahasa

sambil-----dan
selain daripada dapat---selain dapat
yang-----bahawa

(6 markah)

- (e) (i) "Walaupun Ali cacat, saya tidak pernah mengabaikannya kerana dia darah daging saya," kata Puan Norma kepada Puan Liza.
- (ii) Kedua-dua mempelai kelihatan sangat cocok seperti pinang dibelah dua.
- (iii) Setelah kematian isteri, kini Budin kehilangan anak akibat kemalangan jalan raya. Beginilah yang dikatakan sudah jatuh ditimpa tangga.

(6 markah)

Soalan 4: Novel(a) Tema Novel Papa

- Bertemakan kasih sayang dalam keluarga
- Intan Maliana sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk mengandung kali kedua sebagai tanda kasih sayang yang mendalam terhadap Jeffri yang inginkan anak meskipun dia tahu akan risiko yang bakal dihadapi sekiranya Intan Maliana meneruskan kandungannya itu.
- Jeffri menjaga Intan Maliana dengan baik dan berkata-kata dengan isterinya yang koma dengan harapan Intan Maliana akan pulih seperti sedia kala.
- Intan Julia akhirnya mengizinkan papanya berkahwin dengan Aisyah walaupun pada awalnya menentang.

(7 markah)

(Jawapan lain yang munasabah diterima)

Tema Novel Konsero Terakhir

- Bertemakan ketabahan menghadapi cabaran dalam kehidupan sehingga mencapai kejayaan yang cemerlang.
- Hilmi yang hidup miskin di kampung terpaksa berhijrah ke bandar untuk mencuba nasib di Kuala Lumpur

- Hilmi diberi layanan yang buruk oleh Datin Salmah, seperti tidak diberi makan, selalu dimarah, dan dipaksa melakukan kerja-kerja keras.
- Hilmi gagal dalam percintaan dengan Hayati kerana dihalang oleh Datin Salmah akibat perbezaan darjah.
- Hilmi gagal dalam alam rumah tangga apabila ditinggalkan oleh Azizah.
- Hilmi mempelajari muzik daripada Encik Bakar, mengubah lagu dan akhirnya menjadi pemuzik yang terkenal

(7 markah)

(Jawapan lain yang munasabah diterima)

(b) Latar masyarakat Novel Papa

- Masyarakat yang mengutamakan kasih sayang dalam hubungan kekeluargaan.
- Jeffri sangat menyayangi keluarganya. Dia sanggup menjaga isterinya yang koma selama tiga tahun.
- Masyarakat yang mengutamakan pendidikan dan berusaha dengan gigih untuk mencapai kejayaan.
- Intan Julia gigih dan tekun belajar sehingga mencapai kejayaan yang cemerlang dalam SPM
- Masyarakat yang bersikap prihatin dan mengambil berat akan masalah orang lain.
- Cikgu Suzie menasihati Intan Maliana agar tidak meneruskan kandungannya kerana tahu akan risiko yang bakal dihadapi oleh Intan Maliana.
- Masyarakat yang tabah menghadapi dugaan hidup
- Jeffri tabah menghadapi dugaan tatkala isterinya koma dan anak kembar siamnya meninggal dunia.
- Masyarakat yang menghormati orang lain.
- Intan Julia tidak membenci Rasylan malah menghormatinya walaupun dia tahu Rasylan anak luar nikah.

(8 markah)

(Jawapan lain yang munasabah diterima)

Latar Masyarakat Novel Konserto Terakhir

- Masyarakat yang tabah menghadapi cabaran hidup
- Hilmi tabah ketika dihina, dicemuh dan dipandang rendah oleh Datin Salmah
- Hilmi tabah meneruskan hidup dengan bekerja di stesen minyak selepas keluar dari rumah Datuk Johari.
- Hilmi meneruskan kehidupannya berseorangan selepas ditinggalkan oleh Azizah
- Hilmi tabah ketika tidak dibenarkan makan oleh Datin Salmah.

- Masyarakat yang suka membantu/tolong menolong
- Encik Bakar membantu Hilmi mempelajari muzik secara percuma

- Masyarakat yang penyayang
- Hilmi sangat menyayangi Hayati, begitu juga dengan Hayati

- Masyarakat yang rajin bekerja
- Hilmi sangat rajin menjalankan kerjanya sebagai tukang kebun di rumah Datuk Johari

- Masyarakat yang taat akan perintah agama
- Hilmi tidak pernah meninggalkan solat dan membaca Al-Quran selepas sembahyang

(8 markah)

(Jawapan lain yang munasabah diterima)